



**PANDUAN PENGURUSAN
IBU YANG DIDAPATI REAKTIF
KEPADA UJIAN HIV**

**PANDUAN PENGURUSAN
IBU YANG DIDAPATI REAKTIF
KEPADA UJIAN HIV**

PANDUAN PENGURUSAN IBU YANG DIDAPATI REAKTIF KEPADA UJIAN HIV

1. "TALKING POINTS" KEPADA IBU YANG DIDAPATI REAKTIF KEPADA UJIAN "HIV"

- 1.1 Anggota-anggota Kesihatan dan Perubatan yang memaklumkan perkara ini diminta supaya membicarakan kepada pesakit dengan menggunakan bahasa yang sopan santun dan tidak menyinggung perasaan.

2. TALKING POINTS

- 2.1 Selepas pemeriksaan keseluruhan dijalankan, terdapat beraguan dari segi kesihatan puan; mungkin darah kotor; perlu disahkan, perlu memeriksa suami puan.
- 2.2 Masalah kesihatan puan ini mungkin menjejaskan kesihatan puan.
- 2.3 Demi puan dan kandungan, suami puan diminta hadir bersama untuk berbincang dengan doktor.

3. KAUNSELING PRA UJIAN HIV SEMASA IBU DAN SUAMI BELIAU MENGHADIRI KLINIK UNTUK UJIAN PENGESAHAN HIV

3.1 Prosedur yang perlu diambil

- (i) Pegawai Perubatan/Pembantu Perubatan/Ketua Jururawat/Jururawat Kesihatan Umum bertanggungjawab memberi kaunseling pra ujian HIV.
- (ii) Kaunseling pra ujian HIV pada mulanya diberikan kepada ibu (isteri), kemudian kepada suami dan sesi akhir kaunseling melibatkan kedua-dua suami dan isteri.

- (iii) Ketiga-tiga sesi kaunseling tersebut perlu diberikan oleh hanya seorang pegawai/perubatan dan kesihatan.

4. SESSI PERTAMA

4.1 Kaunseling Pra Ujian HIV Kepada Ibu (Isteri)

(a) Langkah 1:

- Ditujukan kepada isteri sahaja tanpa suami.
- Langkah ini dijalankan SEBELUM ujian pengesahan.

4.2 Talking Points

- (i) Keputusan ujian awal yang dijalankan menunjukkan ada kemungkinan puan dijangkiti kuman.
- (ii) Pada peringkat ini keputusan tersebut masih diragui.
- (iii) Untuk mengatasi keraguan ini, puan perlu menjalani ujian pengesahan.
- (iv) Mungkin dijangkiti HIV, Hepatitis B, Sifilis dan lain-lain.

(b) Langkah 2:

- Isteri diberi PRE-TEST kaunseling.
(Anggota Kesihatan dan Perubatan diminta supaya memberi kaunseling tersebut berdasarkan kepada modul kaunseling yang telah dikeluarkan oleh KKM)
- Penekanan perlu diberi mengenai keselamatan bayi dalam kandungan serta keharmonian rumahtangga.

5. SESSI KEDUA

5.1 Kaunseling Pra Ujian HIV Kepada Suami

(a) Langkah 1:

5.2 Talking Points

- (i) Perbincangan telah diadakan dengan isteri encik di mana beliau telah diberitahu bahawa ujian darah dijalankan terhadapnya menunjukkan kemungkinan beliau telah dijangkiti kuman.
- (ii) Walau bagaimanapun keputusan ini masih diragui. Oleh itu beliau perlu menjalani ujian pengesahan.
- (iii) Walau bagaimanapun, rawatan awal dapat mengurangkan risiko jangkitan kepada kandungan.
- (iv) Sekiranya isteri tuan disahkan positif ia berkemungkinan boleh menjejaskan kandungan.
- (v) Memandangkan penyakit ini boleh berjangkit melalui 3 cara iaitu:
 - hubungan seks
 - perkongsian jarum yang tercemar
 - dari ibu ke kandungannya.

tuan mungkin juga dijangkiti dan perlu juga menjalani ujian yang sama.

(b) Langkah 2:

Suami diberikan PRE-TEST kaunseling.

6. SESSI KETIGA

6.1. Kaunseling diberikan melibatkan kedua-dua suami dan isteri (pra ujian HIV)

6.2 Talking Points

Sesi perbincangan yang telah dijalankan terhadap puan dan suami (tuan dan puan) menghasilkan rumusan seperti berikut:

- (i) Ujian awal menunjukkan kemungkinan puan dijangkiti kuman. Namun ianya masih diragui dan memerlukan pengesahan.
- (ii) Sementara itu tuan juga dikehendaki menjalani ujian yang sama kerana sebagaimana yang telah dijelaskan ianya boleh dijangkiti melalui hubungan seks.
- (iii) Memandangkan ujian ini belum disahkan adalah lebih wajar tuan/puan tidak membincangkan perkara ini dengan pihak yang tidak berkenaan.
- (iv) Tuan/puan perlu datang bersama untuk temu janji berikutnya untuk mengetahui keputusan ujian pengesahan tersebut.
- (v) Sekiranya tuan/puan memerlukan pertolongan semasa menunggu keputusan tersebut pihak kami sedia memberi bantuan bila-bila masa dan boleh hubungi doktor/jururawat/pembantu perubatan.
- (vi) Gunakan kondom untuk setiap kali mengadakan hubungan seks sehingga mendapat keputusan ujian darah.

7. POST TEST HIV COUNSELING

- (a) Sessi ini melibatkan pasangan suami-isteri.
- (b) Memberitahu keputusan ujian pengesahan HIV samada positif atau negatif.
- (c) "Post test HIV Counseling" diberikan.
- (d) Perkara-perkara yang perlu diberi penekanan sekiranya keputusan ujian adalah POSITIF untuk kedua-dua pasangan. Jika isteri positif suami negatif ujian perlu dibuat semula.

7.1 Talking Points

- (i) Jangka hayat dapat dipanjangkan sekiranya tuan/puan sentiasa menjaga kesihatan diri lebih kurang (15 - 20 tahun).
- (ii) Amalkan cara hidup sihat seperti pemakanan seimbang/ "high protein diet", "safer sex" dan lain-lain.
- (iii) Langkah pencegahan
 - Tidak berkongsi alat pencukur/berus gigi
 - Pengendalian luka-luka/kecederaan
 - IBU DILARANG MENYUSUKAN BAYI
- (iv) Rawatan oleh pakar perlu dipatuhi kerana keberkesanan rawatan dapat mengurangkan risiko jangkitan kepada kandungan.
- (v) Tindak susulan perlu dipatuhi.
- (vi) Hidup selalu positif dengan meyakinkan keluarga ke arah kehidupan berkualiti melalui simpanan wang untuk masa depan, pelajaran anak-anak dan mencari keluarga angkat untuk anak-anak.

7.2 Lawatan Ke Rumah

7.2.1 Jenis-jenis lawatan yang diperlukan:-

(a) **Lawatan rutin**

- Lawatan pertama (first trimester)
- Lawatan kedua (second trimester)
- Lawatan ketiga (third trimester)
- Lawatan keempat (seminggu sebelum bersaling)

7.2.2 **“Talking Points” semasa lawatan rutin.**

Anggota-anggota kesihatan perlu memberi “talking points” seperti yang biasa diberikan semasa lawatan rutin untuk semua ibu-ibu mengandung. Di samping ini perkara berikut perlu diberikan penekanan.

- (i) Jangka hayat dapat dipanjangkan sekiranya tuan/puan sentiasa menjaga kesihatan diri.
- (ii) Amalkan cara hidup sihat seperti pemakanan seimbang/“high protein diet”, “safer sex” dan lain-lain.
- (iii) Langkah pencegahan
 - Tidak berkongsi alat pencukur/berus gigi
 - Pengendalian luka-luka/kecederaan
 - **IBU DILARANG MENYUSUKAN BAYI.**
(menyebabkan “free infant formula”.)
- (iv) Rawatan oleh pakar perlu dipatuhi kerana keberkesanan rawatan dapat mengurangkan risiko jangkitan kepada kandungan.
- (v) Tindak susulan perlu dipatuhi.

(vi) IBU DIMESTIKAN BERSALIN DI HOSPITAL.

(b) **Lawatan Keciciran**

- Perkara-perkara yang perlu penekanan
- (i) "Talking Points"
 - Rawatan perlu dipatuhi selalu dan berterusan sehingga diberhentikan oleh doktor pakar yang merawat. Ini bagi memastikan keberkesanan rawatan.
 - Tarikh temujanji perlu ditepati.
 - Memberitahu tarikh temujanji yang baru.
 - Mengambil ubatan seperti yang berlarutan oleh pakar.

.....

Diterbitkan oleh
Kementerian Kesihatan Malaysia
Dicetak oleh
D'FA Print